A

Tarmizi bin Yaakob lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO P-05(M)-171–04 TAHUN 2019
HANIPAH FARIKULLAH, AHMAD NASFY DAN CHE MOHD RUZIMA HHMR
12 SEPTEMBER 2022

C

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu dituduh membunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('KK') dan merogol di bawah s 376 KK — Perayu disabitkan dan dijatuhkan hukuman mati bagi pertuduhan pertama dan penjara 15 tahun serta tiga kali sebatan bagi
D *pertuduhan kedua — Sama ada pendakwaan berjaya membuktikan pertuduhan — Sama ada pembelaan gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan — Sama ada peringanan hukuman boleh diberikan bagi pertuduhan kedua — Kanun Keseksaan ss 302 & 376*

E Pada 25 Oktober 2015 kira-kira pada pukul 7.30 petang, bapa kepada si mati ('SP18') bersama-sama isterinya tiba di rumah mereka ('rumah tempat kejadian'). SP18 mendapati pintu rumah tempat kejadian tidak berkunci tetapi pintu bilik si mati berkunci dan tiada jawapan walaupun telah dipanggil berkali-kali. Dengan menggunakan anak kunci bilik yang ada dalam
F simpanannya, SP18 masuk ke dalam bilik si mati dan mendapati si mati terbaring di atas katil berlumuran darah dengan kesan luka akibat dikelar pada bahagian depan leher. Pegawai perubatan yang datang lebih kurang setengah jam selepas itu telah mengesahkan bahawa si mati telah pun meninggal dunia. Pada hari yang sama kira-kira pukul 11 malam Insp Premkumar a/l Ramdas
G ('SP24') bersama pasukannya telah menangkap perayu. Hasil soal siasat, perayu memberi maklumat berhubung dengan sehelai anak tudung dan dua bilah pisau yang dibuang di tempat perayu bekerja iaitu di Sekolah Kebangsaan Bayan Lepas ('SKBL'). Perayu memberikan satu lagi maklumat kepada SP24 berhubung dengan telefon bimbit kepunyaan si mati yang juga disimpan
H perayu berhampiran dengan tempat kerjanya di SKBL. Semasa menjalankan siasatan, ASP Mohd Jalaluddin bin Hj Sinin ('SP2') telah merampas sehelai baju-T yang dipakai perayu semasa ditangkap. SP2 turut merampas sehelai seluar jean yang diambil dari rumah di Jalan Permatang Damar Laut, Bayan Lepas setelah ditunjuk oleh perayu dan merampas dua anak kunci
I ('P50A(1–2)') di atas rak kasut dalam rumah tempat kejadian, yang juga setelah ditunjuk oleh perayu. Hasil bedah siasat, adalah didapati bahawa luka kelar di leher si mati memudaratkan dan telah membawa maut. Selain itu, turut didapati bahawa terdapat kesan koyakan pada selaput dara faraj si mati. Perayu telah didakwa melakukan kesalahan membunuh di bawah s 302 Kanun

Keseksaan ('KK') dan juga melakukan kesalahan merogol di bawah s 376 KK. Pesuruhjaya kehakiman Mahkamah Tinggi ('PKMT') telah mendapati bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan elemen-elemen yang diperlukan bagi membuktikan kes prima facie terhadap perayu. Dengan itu, perayu dipanggil membela diri. Di akhir kes pembelaan, PKMT telah mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan sebarang keraguan ke atas kes pendakwaan. Perayu telah didapati bersalah dan disabitkan ke atas kedua-dua pertuduhan. Perayu dihukum dengan hukuman mati di bawah pertuduhan pertama dan dihukum penjara selama 15 tahun serta disebat dengan rotan sebanyak tiga kali sebatan di bawah pertuduhan kedua. Terkilan, perayu merayu terhadap keseluruhan keputusan PKMT. Namun begitu, semasa mengemukakan hujahan peguam perayu menegaskan bahawa perayu akur dengan keputusan dan sabitan PKMT terhadap perayu bagi pertuduhan kedua. Dengan itu, rayuan terhadap pertuduhan kedua hanya diteruskan bagi tujuan mendapatkan peringanan hukuman sahaja.

Diputuskan, menolak rayuan perayu:

(1) Keterangan mengikut keadaan paling relevan ataupun yang boleh diibaratkan sebagai tali pengikat di antara keterangan-keterangan mengikut keadaan lain yang dapat mengaitkan perayu dengan pembunuhan si mati adalah penemuan profil DNA pada barang-barang kes. Selain itu, daripada laporan bedah siasat nyatalah bahawa perbuatan rogol yang dilakukan ke atas si mati berlaku pada sekitar masa yang sama dengan perbuatan mendatangkan bencana tubuh yang menyebabkan kematian si mati. Tidak berlaku apa-apa kesilapan dari segi fakta ataupun undang-undang apabila PKMT membuat keputusan untuk menerima kedua-dua maklumat yang diberikan perayu kepada SP24 berhubung dengan penemuan barang-barang kes di perkarangan SKBL. Topi keledar yang diambil oleh SP2 daripada rumah si mati bukanlah satu barang bukti yang signifikan dalam pembuktian kes pihak pendakwaan. Ini kerana topi keledar yang ada profil DNA lelaki yang tidak dikenal pasti tersebut bukannya diperoleh daripada dalam bilik si mati. Lagipun, ada keterangan menunjukkan bahawa topi keledar tersebut milik sepupu si mati yang diletakkan di ruang tamu rumah semasa datang menziarahi jenazah si mati. Oleh itu, tiada keraguan boleh ditimbulkan berkaitan dengan kewujudan DNA lelaki yang tidak dikenal pasti tersebut. Begitu juga dengan telefon bimbit milik perayu bukanlah satu barang bukti yang signifikan dalam pembuktian kes oleh pihak pendakwaan. Ketiadaan analisis DNA ataupun pengesanan cap jari ke atas telefon bimbit milik perayu tersebut tidak menjejaskan atau boleh meragukan kes pihak pendakwaan dalam apa bentuk sekalipun. Nilai probatif keterangan mengikut keadaan yang dikemukakan pihak pendakwaan adalah melangkaui nilai keraguan yang cuba dibangkitkan perayu. Oleh itu, alasan yang dibangkitkan perayu tidak bermerit untuk diberikan

pertimbangan dan digunakan sebagai alasan-alasan yang boleh menimbulkan keraguan kepada kes pihak pendakwaan. PKMT telah membuat pertimbangan yang sewajarnya ke atas kesemua elemen yang perlu dibuktikan pihak pendakwaan bagi membuktikan pertuduhan membunuh di bawah s 302 KK. PKMT tidak melakukan apa-apa kesilapan dari segi undang-undang ataupun fakta apabila memutuskan bahawa di atas pertimbangan secara maksimum segala keterangan, pihak pendakwaan telah berjaya membukti kesemua elemen atau inti pati pertuduhan yang perlu dibuktikan terhadap perayu di bawah pertuduhan pertama. Oleh itu, tiada sebab untuk mengganggu keputusan PKMT yang mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie di akhir kes pendakwaan terhadap perayu dan memanggil perayu untuk membela diri (lihat perenggan 38–39, 42, 44–46 & 49–50).

(2) Tanpa keterangan oleh kakak perayu untuk mengesahkan fakta bahawa anak kunci yang dikatakan telah diberikan si mati kepada perayu ('ID D69') tidak ada dengan perayu pada masa kejadian kerana ianya disimpan di rumah kakak perayu di Permatang Damar Laut, mewajarkan dapatan PKMT untuk menolak pembelaan yang dikemukakan perayu berkaitan dengan anak kunci dan menerima keterangan yang menunjukkan perayu masuk ke tempat kejadian menggunakan kunci P50A(1–2). Isu-isu yang cuba dibangkitkan pihak pembelaan berhubung dengan anak kunci P50A(1–2) atau ID D69 bukanlah isu-isu yang boleh menimbulkan keraguan kepada kes pendakwaan. Keadaan atau fakta yang dikatakan telah menimbulkan keraguan mengenai ketiadaan kesan cap jari perayu pada kedua-dua bilah pisau yang dikatakan digunakan untuk mengelar leher si mati adalah berkaitan dengan beban pembuktian pihak pendakwaan di peringkat kes prima facie. Oleh itu, pihak pembelaan juga seharusnya gagal di bawah alasan ketiga (lihat perenggan 57, 59 & 61).

(3) Tindakan perayu tidak meneruskan hujahan ke atas pertuduhan kedua adalah sama dengan tindakan tidak meneruskan rayuan terhadap sabitan yang diputuskan PKMT ke atas perayu di bawah pertuduhan tersebut. Lebih parah lagi, perayu memohon supaya sabitan bersalah ke atas perayu bagi pertuduhan kedua dikekalkan mahkamah. Tindakan yang diambil perayu tersebut memberikan impak yang serius ke atas rayuan perayu secara keseluruhannya. Setelah perayu mengakui merogol si mati di tempat dan masa sepertimana yang dinyatakan di bawah pertuduhan kedua, maka secara langsungnya perayu mengakui berada dengan si mati di tempat dan pada masa si mati menemui ajalnya. Oleh itu, hanya satu kesimpulan yang boleh dibuat iaitu perayu sememangnya terlibat melakukan perbuatan merogol dan seterusnya membunuh si mati (lihat perenggan 64–65).

[English summary

On 25 October 2015 at about 7.30pm, the father of the deceased ('SP18') together with his wife arrived at their house ('the house of the scene'). SP18 found that the door of the house was not locked but the door of the deceased's room was locked and there was no answer despite being called many times. Using the room key in his possession, SP18 went into the deceased's room and found the deceased lying on the bed covered in blood with wound marks due to cuts on the front of the neck. The medical officer who came about half an hour later confirmed that the deceased had already died. On the same day at about 11pm Insp Premkumar a/l Ramdas ('SP24') along with his team arrested the appellant. As a result of interrogation, the appellant gave information regarding a piece of scarf inner and two knife blades that were thrown away at the appellant's place of work, namely Sekolah Kebangsaan Bayan Lepas ('SKBL'). The appellant gave another piece of information to SP24 regarding the mobile phone belonging to the deceased which the appellant also kept near his workplace at SKBL. During the investigation, ASP Mohd Jalaluddin bin Hj Sinin ('SP2') seized a T-shirt that the appellant was wearing when he was arrested. SP2 also seized a pair of jeans taken from a house in Jalan Permatang Damar Laut, Bayan Lepas after being pointed out by the appellant and seized two keys ('P50A(1–2)') on a shoe rack in the house of the scene, which also after being pointed out by the appellant. As a result of the autopsy, it was found that slash wound on the deceased's neck was fatal and caused death. In addition, it was also found that there were tear marks on the hymen of the deceased's vagina. The appellant was charged with the offense of murder under s 302 of the Penal Code ('PC') and also of the offense of rape under s 376 of the PC. The judicial commissioner of the High Court ('JCHC') had found that the prosecution succeeded in proving the elements required to prove a prima facie case against the appellant. With that, the appellant was called to enter defence. At the end of the defence case, the JCHC found that the defence failed to raise any doubts on the prosecution's case. The appellant was found guilty and convicted on both charges. The appellant was sentenced to death under the first charge and sentenced to 15 years imprisonment and three strokes of whipping under the second charge. Aggrieved, the appellant appealed against the entire decision of the JCHC. However, during submission the appellant's lawyer contended that the appellant agreed with the decision and conviction of the JCHC against the appellant for the second charge. With that, the appeal against the second charge was only continued for the purpose of obtaining a mitigation of punishment only.

Held, dismissing the appellant's appeal:

(1) The most relevant circumstantial evidence or what could be considered as a bond between the other circumstantial evidence that could link the appellant to the murder of the deceased was the discovery of the DNA profile on the case items. In addition, from the autopsy report it was clear

A that the act of rape committed on the deceased happened around the same time as the act of inflicting bodily harm that caused the death of the deceased. There was no error in terms of fact or law when the JCHC made a decision to accept both information provided by the appellant to SP24 in relation to the discovery of the case items at the SKBL premises.
B The helmet taken by SP2 from the deceased's house was not a significant piece of evidence in the prosecution's case. This was because the helmet with the unidentified man's DNA profile was not obtained from the deceased's room. Besides, there was evidence showing that the helmet belonged to the cousin of the deceased that was placed in the living room
C of the house when she came to visit the the deceased. Therefore, no doubt could be raised regarding the existence of the DNA of the unidentified man. Likewise, the appellant's mobile phone was not a significant piece of evidence in the prosecution's case. The absence of DNA analysis or
D fingerprint detection on the appellant's mobile phone did not affect or raise doubt on the prosecution's case in any way. The probative value of the circumstantial evidence presented by the prosecution was beyond the value of the doubt that the appellant was trying to raise. Therefore, the reasons raised by the appellant did not merit consideration and used as
E reasons that might raise doubt on the prosecution's case. The JCHC had made due consideration on all the elements that the prosecution needed to prove in order to prove the charge of murder under s 302 of the PC. The JCHC did not make any error in terms of law or fact when it was decided that upon maximum consideration of all the evidence, the
F prosecution had succeeded in proving all the elements or essence of the charge that needed to be proven against the appellant under the first charge. Therefore, there was no reason to interfere with the decision of the JCHC which found that the prosecution had succeeded in proving a prima facie case at the end of the prosecution case against the appellant
G and called the appellant to defend himself (see paras 38–39, 42, 44–46 & 49–50).

(2) Without the evidence from the appellant's sister to confirm the fact that the key that was said to have been given by the deceased to the appellant ('ID D69') was not with the appellant at the time of the incident because
H it was kept at the appellant's sister's house in Permatang Damar Laut, justified the findings of the JCHC to dismiss the defence presented by the appellant in relation to the key and to accept the evidence that the appellant entered the scene using the P50A(1–2) key. The issues that the defence was trying to raise in relation to key P50A(1–2) or ID D69 were
I not issues that could raise doubt on the prosecution's case. The circumstances or facts that were said to have raised doubts about the absence of the appellant's fingerprints on the two blades of the knife said to have been used to cut the deceased's neck were related to the prosecution's burden of proof at the prima facie case level. Therefore, the

defence should also fail under the third ground (see paras 57, 59 & 61). A

(3) The appellant's action of not continuing the submission on the second charge was the same as the action of not continuing the appeal against the conviction handed down by the JCHC against the appellant under the said charge. Even worse, the appellant requested that the conviction of the appellant for the second charge be upheld by the court. The actions taken by the appellant had a serious impact on the appellant's appeal as a whole. After the appellant admitted to raping the deceased at the place and time as stated under the second charge, the appellant directly admitted to being with the deceased at the place and time the deceased met her death. Therefore, only one conclusion could be made which was that the appellant was indeed involved in the act of raping and then killing the deceased (see paras 64–65).] B C

Kes-kes yang dirujuk D

Francis Anthonysamy v PP [2005] 3 MLJ 389; [2005] 2 CLJ 481, MP (dirujuk)
Jayaraman & Ors v PP [1982] 2 MLJ 306, MP (dirujuk)
Nadasan Chandra Secharan v PP [1997] 1 SLR 723, MR (dirujuk)
PP v Hanif Basree bin Abdul Rahman [2008] 3 MLJ 161, MP (dibeza) E

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 27
Kanun Keseksaan ss 300, 300(c), 302, 376, 376(1)

F

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45B-10–06 Tahun 2016 dan 62JS-1–2 Tahun 2016 (Mahkamah Tinggi, Georgetown)

Yagoo Subramaniam (Salina Zolkifli bersamanya) (Yagoo & Assoc) bagi pihak perayu.
Faizah bt Mohd Salleh (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden. G

Che Mohd Ruzima HMR:

PENDAHULUAN H

[1] Tarmizi bin Yaacob ('perayu') telah didakwa melakukan kesalahan membunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('KK') dan juga melakukan kesalahan merogol di bawah s 376 KK. Tuduhan-tuduhan yang dikenakan terhadap perayu adalah sepertimana berikut: I

PERTUDUHAN PERTAMA

Bahawa kamu pada 25.10.2015 pada jam lebih kurang 7.30 pagi hingga 25.10.2015 jam lebih kurang 7.30 malam di dalam rumah di blok 5-1-18 Flat

Bandar Baru Perda, Telok Kumbar, Bayan Lepas dalam Daerah Barat Daya dalam Negeri Pulau Pinang dengan niat telah membunuh dengan menyebabkan kematian ke atas Intan Suraya bt Mawardi KP: 981204-07-5428. Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah s.302 Kanun Keseksaan.

PERTUDUHAN KEDUA

Bahawa kamu pada 25.10.2015 pada jam lebih kurang 7.30 pagi hingga 25.10.2015 jam lebih kurang 7.30 malam di dalam rumah di blok 5-1-18 Flat Bandar Baru Perda, Telok Kumbar, Bayan Lepas dalam Daerah Barat Daya dalam Negeri Pulau Pinang telah merogol Intan Suraya bt Mawardi KP: 981204-07-5428. Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan yang boieh dihukum di bawah s.376(1) Kanun Keseksaan.

[2] Selesai dibicarakan, Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Pulau Pinang ('PKMT') telah mendapati dan memutuskan bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan kedua-dua pertuduhan terhadap perayu melampaui keraguan yang munasabah. Perayu telah disabitkan bersalah di atas kedua-dua pertuduhan. Perayu dijatuhkan hukuman gantung sampai mati bagi pertuduhan pertama dan dihukum penjara selama 15 tahun dari tarikh tangkap serta disebat dengan rotan sebanyak tiga kali sebatan bagi pertuduhan kedua.

[3] Terkilan dengan keputusan tersebut, perayu mengemukakan notis rayuan bagi merayu terhadap keseluruhan keputusan PKMT. Namun begitu, semasa mengemukakan hujahan di hadapan kami, peguam perayu menegaskan bahawa perayu akur dengan keputusan dan sabitan PKMT terhadap perayu bagi pertuduhan kedua. Dengan itu, rayuan terhadap pertuduhan kedua hanya diteruskan bagi tujuan mendapatkan peringanan hukuman sahaja.

RINGKASAN FAKTA KES PIHAK PENDAKWAAN

[4] Pada 25 Okober 2015 kira-kira pada pukul 7.30 petang, Mawardi bin Abd Hak ('SP18') iaitu bapa kepada Intan Suraya bt Mawardi (arwah si mati) bersama-sama isterinya tiba di rumah mereka di Blok 5-1-18 Flat Bandar Baru Perda, Telok Kumbar, Bayan Lepas (rumah tempat kejadian) setelah pergi dan bermalam di rumah orang tua mereka di Kampung Masjid, Bayan Lepas sejak dari 23 Okober 2015. Sebelum itu, SP18 telah menghantar arwah si mati pulang ke rumah tempat kejadian pada malam 24 Okober 2015 untuk mengulang kaji pelajaran kerana dia akan menduduki peperiksaan SPM.

[5] Setibanya di rumah tempat kejadian, SP18 mendapati pintu rumah tempat kejadian tidak berkunci tetapi pintu bilik arwah si mati berkunci dan tiada jawapan walaupun telah dipanggil berkali-kali. Dengan menggunakan anak kunci bilik yang ada dalam simpanannya, SP18 masuk ke dalam bilik

arwah si mati dan mendapati arwah si mati terbaring di atas katil berlumuran darah dengan kesan luka akibat dikelar pada bahagian depan leher. Pegawai perubatan yang datang lebih kurang setengah jam selepas itu telah mengesahkan bahawa arwah si mati telah pun meninggal dunia. SP18 kemudiannya membuat laporan polis di Balai Polis Teluk Kumbar pada pukul 9.05 malam ('P44').

[6] Susulan daripada laporan polis yang dibuat SP18, pada hari yang sama iaitu pada 25 Okober 2015 kira-kira pukul 11 malam Insp Premkumar a/l Ramdas ('SP24') bersama pasukannya telah menangkap perayu di bawah Blok 5, rumah tempat kejadian. Satu laporan polis berhubung tangkapan tersebut telah dibuat SP24 ('P56'). Hasil soal siasat, perayu memberi maklumat berhubung dengan sehelai anak tudung dan dua bilah pisau yang dibuang di tempat perayu bekerja iaitu di Sekolah Kebangsaan Bayan Lepas (SKBL). SP24 telah mencatatkan maklumat tersebut di atas sehelai kertas ('P75A').

[7] Berpandukan maklumat yang telah diberikan serta pandu arah oleh perayu, SP24 dan pasukannya telah pergi ke pondok pengawal di SKBL, tempat perayu bekerja. Di situ, perayu telah menunjuk ke arah satu simen konkrit penutup lurang (*manhole cover*) bagi sesalur kabel Tenaga Nasional Bhd berhampiran dengan pondok pengawal tempat perayu bekerja. Meninjau ke dalam lurang tersebut, SP4 nampak ada satu anak tudung warna putih dan dua hulu pisau berwarna hitam. Setelah dikeluarkan daripada lurang tersebut, SP24 mendapati ada dua bilah pisau yang masih ada kesan darah (P16E(1) dan P16F(1)) di balut dengan dalam anak tudung putih (P17G(1)).

[8] Kira-kira pada pukul 1 pagi 26 Okober 2015, perayu memberikan satu lagi maklumat kepada SP24 berhubung dengan telefon bimbit kepunyaan arwah si mati yang juga disimpan perayu berhampiran dengan tempat kerjanya di SKBL. Sekali lagi SP24 menulis maklumat tersebut di atas P57A. Dengan dipandu arah oleh perayu, SP24 pergi ke sepohon pokok kecil berhampiran pondok pengawal di perkarangan SKBL. Perayu menggunakan tangannya menunjukkan ke arah pokok dan terdapat satu beg plastik yang diletakkan dicelah dua dahan pokok tersebut. Setelah diperiksa, SP24 mendapati ada sebuah telefon bimbit jenis OPPO (P17H(3)) di dalam beg plastik tersebut.

[9] Semasa menjalankan siasatan, ASP Mohd Jalaluddin bin Hj Sinin (SP2), Pegawai Penyiasat Kanan di Ibu Pejabat Polis Daerah Barat Daya, Pulau Pinang telah merampas sehelai baju-T bertulisan 'Fcuk' (P16A(1)) yang dipakai perayu semasa ditangkap. SP2 turut merampas sehelai seluar jean jenama 'Garage Cans' (P17A(1)) yang diambil dari rumah beralamat di 18H-2-4 Blok K, Jalan Permatang Damar Laut, Bayan Lepas setelah ditunjuk oleh perayu dan merampas dua anak kunci (P50A(1–2)) di atas rak kasut dalam rumah tempat kejadian, yang juga setelah ditunjuk oleh perayu.

[10] Dalam pada itu, kira-kira pukul 11 malam 25 Okober 2015, Dato' Dr Bhupinder Singh a/l Jeswant Singh (SP4) seorang ahli patologi forensik tiba di tempat kejadian untuk membuat pemeriksaan awal ke atas mayat arwah si mati. Hasil pemeriksaan, SP4 mendapati bahawa arwah si mati mengalami luka akibat dikelar di bahagian depan leher. Mayat arwah si mati kemudiannya dibawa ke Jabatan Forensik Hospital Pulau Pinang untuk dibedah siasat dan pemindahan tersebut adalah di bawah seliaan SP4. Bedah siasat dijalankan pada pukul 11.30 pagi, 26 Okober 2015.

[11] Hasil bedah siasat, SP4 mendapati bahawa luka kelar di leher arwah si mati memudaratkan dan telah membawa maut. Arwah si mati tidak mempunyai peluang untuk hidup kerana luka yang dialami telah memotong kedua-dua 'corotids' dan juga pembuluh darah serta saraf lain di bahagian leher. Punca kematian arwah si mati adalah akibat luka kelar di bahagian depan leher dan dianggarkan bahawa kematian arwah si mati adalah dalam lingkungan lapan hingga 12 jam atau lebih lama lagi dari masa mula-mula SP4 memeriksa mayat arwah si mati di tempat kejadian. Selain itu, SP4 juga mendapati ada kesan lebam dan melecet akibat pergelutan pada tubuh arwah si mati. Akhirnya, SP4 turut mendapati bahawa terdapat kesan koyakkan pada selaput dara faraj arwah si mati. Kesan koyakkan tersebut adalah koyakkan baru kerana cecair berserta darah masih kelihatan meleleh keluar dari faraj semasa dibedah siasat.

[12] Dari aspek siasatan pula, SP2 telah menghantar 23 barang kes ke Jabatan Kimia Malaysia untuk tujuan analisis DNA pada 2 November 2015. Asfarina bt Jamal Mohideen ('SP3'), seorang Pegawai Sains di Jabatan Kimia Malaysia, Pulau Pinang telah menjalankan analisis Forensik DNA ke atas barang-barang kes yang diterima daripada SP2. Secara ringkasnya, hasil analisis mengesahkan fakta berikut:

(a) profil DNA arwah si mati pada anak tudung bertanda 'JS6' (P17G-1), pisau bertanda 'JS6(a)' (P16E(1)) dan pisau bertanda 'JS6(b)' (P16F(1));

(b) campuran profil DNA arwah si mati dan perayu pada kapas kesat kesan cecair dari faraj arwah si mati bertanda 'JU7' ke 'JUT11' (P16H(1), P16l(1), P16J(1)dan P16K(1));

(c) campuran profil DNA arwah si mati dan perayu pada kesan darah di atas seluar jean bertanda 'J2' (P17A(1));

(d) campuran profil DNA arwah si mati dan seorang lagi pada baju-T bertulisan 'Fcuk' bertanda 'Jf (P16A(1)); dan

(e) campuran profil DNA arwah si mati dan perayu diperoleh daripada kesan DNA surih pada telefon bimbit bertanda 'JS7'.

KEPUTUSAN PKMT DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[13] HMT telah merujuk kepada prinsip undang-undang berhubung kehendak ataupun elemen-elemen yang perlu dipenuhi bagi membuktikan pertuduhan membunuh di bawah s 302 KK dengan membuat rujukan silang kepada definisi membunuh orang di bawah s 300 KK. Setelah meneliti dan membuat pertimbangan secara maksimum ke atas keseluruhan keterangan pihak pendakwaan dan juga setelah merujuk kepada kes-kes autoriti yang berkaitan, PKMT telah mendapati bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan elemen-elemen yang diperlukan bagi membuktikan kes prima facie terhadap perayu. Dengan itu, perayu dipanggil membela diri.

PEMBELAAN PERAYU

[14] Perayu mengakui telah mengenaii arwah si mati hampir setahun sebelum kejadian dan ada niat untuk mengahwininya. Semasa bekerja pada 25 Okober 2015 lebih kurang pukul 4.30 pagi, SP10 ada menunjukkan satu video kepada perayu dan perayu telah meninggalkan tempat kerjanya untuk pulang ke rumah dengan alasan tidak sihat selepas itu. Perayu pergi semula ke tempat kerja pada pukul 7 pagi untuk mengetip keluar kad perakam waktunya.

[15] Selepas itu, perayu pergi ke tempat kejadian untuk menjemput arwah si mati bersarapan sepertimana kebiasaan yang dilakukan pada hari Ahad. Semasa sampai di tempat kejadian, perayu mengetuk pintu rumah beberapa kali, namun tidak berjawab. Perayu menunggu di luar rumah dan pada masa tersebut, Johari bin Adam ('SP8') iaitu jiran sebelah rumah arwah si mati ada melihatnya. Selepas itu, perayu beredar untuk pulang. Setibanya di rumah, perayu mengecas telefon bimbitnya dan tertidur. Perayu hanya terbangun pada pukul 7 petang.

[16] Setelah bangun, perayu melihat telefonnya dan mendapati ada berita melaiui pesanan 'Whatsapp' yang menyatakan arwah si mati telah dijumpai mati di rumahnya. Terkejut dengan berita tersebut, perayu terus mengenakan pakaian dan pergi ke tempat kejadian dengan menunggang motosikal. Perayu telah ditangkap pihak polis lebih kurang pada pukul 11 malam di blok bawah tempat kejadian.

[17] Perayu menafikan telah memasuki tempat kejadian pada hah kejadian walaupun mengakui ada menyimpan kunci rumah yang diberikan arwah si mati. Perayu juga menafikan semua kejadian semasa disiasat oleh polis selepas ditangkap khususnya perkara yang berkait dengan penemuan barang kes berhampiran dengan tempat kerja perayu dan menegaskan bahawa dia telah dipaksa oleh polis untuk mengaku telah melakukan pembunuhan ke atas arwah si mati.

[18] Namun begitu, perayu dalam keterangan pembelaannya mengakui bahawa dia telah melakukan hubungan seks secara berdiri dengan arwah si mati pada petang 24 Mei 2015 di Pantai Ombak Damai, Teluk Kumbar dalam keadaan masih berpakaian. Oleh kerana arwah si mati masih dara, maka kesan darah dara arwah si mati ada terlekat pada baju perayu.

KEPUTUSAN PKMT DI AKHIR KES PEMBELAAN

[19] PKMT mendapati dan memutuskan bahawa pihak pembelaan gagal menimbulkan sebarang keraguan ke atas kes pendakwaan. Pembelaan perayu berhubung dengan penemuan barang bukti dan perkara berkaitan perlakuan seksual di antara perayu dengan arwah si mati hanyalah berbentuk penafian semata-mata. Begitu juga dengan pembelaan berhubung dengan apa yang telah dilakukan perayu pada masa kejadian bukan sahaja berbentuk penafian semata-mata, malahan ianya adalah pembelaan berbentuk alibi sedangkan perayu tidak pernah memberikan sebarang notis menurut undang-undang untuk membangkitkan pembelaan alibi tersebut. Di akhir kes pembelaan, PKMT telah mendapati dan memutuskan bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan kedua-dua pertuduhan terhadap perayu melampaui keraguan yang munasabah. Perayu telah didapati bersalah dan disabitkan ke atas kedua-dua pertuduhan. Perayu dihukum dengan hukuman mati di bawah pertuduhan pertama dan dihukum penjara selama 15 tahun serta disebat dengan rotan sebanyak tiga kali sebatan di bawah pertuduhan kedua.

RAYUAN PERAYU

[20] Melalui petisyen rayuan yang difailkan peguamnya, perayu telah mengemukakan sepuluh alasan rayuan. Secara ringkasnya perayu mendakwa bahawa PKMT telah terkhilaf dari segi undang-undang dan/atau fakta apabila:

(a) memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie di akhir kes pendakwaan dan kemudiannya memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan keseluruhan kes terhadap perayu tanpa sebarang keraguan yang munasabah (alasan 1 dan alasan 10);

(b) gagal membuat inferens yang sewajarnya sama ada yang tidak berpihak kepada perayu ataupun yang berpihak kepada perayu (alasan 2 dan alasan 3);

(c) gagal mengambil kira keterangan-keterangan yang relevan (alasan 4 dan alasan 6);

(d) memutuskan bahawa perayu telah berada di tempat kejadian semasa arwah si mati dibunuh (alasan 5);

(e) membuat keputusan tanpa keterangan sokongan dan hanya berpandukan andaian-andaian sahaja (alasan 8);

(f) meletakkan beban pembuktian ke atas perayu (alasan 7); dan

(g) gagal mengambil kira keterangan pembelaan yang tidak dicabar pihak pendakwaan (alasan 9).

KEPUTUSAN KAMI

[21] Perayu berdepan dengan dua pertuduhan iaitu tuduhan melakukan kesalahan membunuh di bawah s 302 KK bagi tuduhan pertama dan tuduhan melakukan kesalahan merogol di bawah sub-s 376(1) KK bagi pertuduhan kedua. Sabitan dan hukuman yang dipertikaikan perayu dalam rayuan ini hanyalah terhadap pertuduhan membunuh di bawah s 302 KK sahaja. Bagi pertuduhan kedua pula, peguam perayu tidak mengemukakan sebarang hujahan memandangkan perayu mengakui telah mengadakan hubungan seks dengan arwah si mati. Dalam penghujahan bertulis, peguam perayu beranggapan bahawa tuduhan merogol yang dihadapi perayu adalah rogol statutori, maka isu kerelaan adalah tidak relevan. Oleh itu, perayu tidak mempertikaikan sabitan yang dikenakan di bawah pertuduhan kedua dan hanya meneruskan rayuan bagi tujuan peringanan hukuman sahaja.

[22] Ketika mengemukakan hujahan bagi mengetepikan sabitan dan hukuman di bawah pertuduhan pertama di hadapan kami, peguam perayu mengulangi apa yang telah dinyatakan dalam penghujahan bertulis. Secara umumnya, penghujahan peguam perayu bolehlah dibahagikan kepada dua. Pertama, perkara yang berkaitan dengan keterangan di peringkat kes pendakwaan dan kedua, perkara yang berkaitan dengan keterangan di peringkat pembelaan.

[23] Di peringkat kes pendakwaan, peguam perayu membangkitkan tiga alasan yang dihujahkan telah berjaya menimbulkan keraguan yang mewajarkan campur tangan kami untuk mengusik sabitan yang dikenakan ke atas perayu di bawah pertuduhan pertama. Alasan pertama, PKMT tersilap apabila menerima keterangan saksi-saksi pendakwaan yang ternyata tidak konklusif dan meragukan. Alasan kedua adalah berhubung dengan Laporan Kimia yang ditandakan sebagai P15 yang disediakan SP3 dan alasan ketiga adalah berkaitan dengan keterangan mengenai penghadaman makanan yang ada dalam perut arwah si mati.

[24] Bagi alasan pertama, Muhammad Shahrizal bin Md Nazri ('SP10') iaitu rakan sekerja perayu di SKBL yang dikatakan melihat perayu meninggalkan tempat kerjanya pukul 4 pagi dan datang semula pukul lapan pagi pada 25 Okober 2015. Namun begitu, tiada keterangan daripada SP10 yang

menyatakan bahawa dia melihat perayu merayau-rayau di kawasan sekolah untuk menyembunyikan barang-barang kes. Dihujahkan bahawa fakta tersebut perlulah dilihat bersekali dengan keterangan SP8 yang tidak nampak perayu memegang apa-apa barang semasa meninggalkan tempat kejadian.

[25] Begitu juga dengan keterangan yang menyatakan bahawa perayu telah ditangkap oleh SP24 pada 25 Okober 2015 kira-kira pukul 11 malam sedangkan ada keterangan yang menunjukkan pihak polis ada membuat pemeriksaan di kawasan sekolah tempat perayu bekerja pada pukul 8.30 malam. Ada kemungkinan bahawa pihak polis telah tahu tentang barang-barang yang dijumpai tersebut yang telah diletakkan di kawasan sekolah sebelum daripada perayu ditangkap lagi. Oleh itu, PKMT membuat dapatan fakta salah apabila mendapati bahawa barang-barang kes dijumpai hasil daripada pandu arah oleh perayu.

[26] Bagi alasan kedua pula, peguam perayu berhujah bahawa menurut laporan SP3, terdapat satu profil DNA lelaki yang tidak dikenal pasti yang dilabelkan sebagai 'Lelaki 1' pada topi keledar yang ada di rumah arwah si mati yang ditandakan sebagai 'JS5'. Tanpa sebarang penjelasan mengenai kehadiran profil DNA lelaki yang tidak dikenali tersebut sudah pastinya akan mewujudkan kelompangan dan keraguan yang serius dalam kes pihak pendakwaan. Selain itu, peguam perayu juga menyentuh fakta tentang kehilangan telefon bimbit milik perayu yang tidak dapat dianalisis oleh SP3 ataupun dibuat pengesanan cap jari oleh pihak polis. Dihujahkan bahawa fakta-fakta tersebut juga boleh mendatangkan keraguan kepada kes pihak pendakwaan.

[27] Akhirnya, bagi alasan ketiga, peguam perayu telah menimbulkan persoalan berhubung dengan isu penghadaman makanan yang dimakan arwah si mati. Menurut keterangan SP18, isterinya ada bertanya arwah si mati apa yang dimakan pada kira-kira pukul 5 petang melalui pesanan 'WhatsApp' dan dibalas dengan menyatakan bahawa dia makan mi segera 'Maggie'. Keterangan daripada ahli patologi forensik iaitu SP4 ada menyatakan bahawa makanan yang dimakan boleh dihadamkan dalam tempoh tiga hingga empat jam. Berdasarkan Laporan Bedah Siasat P18 yang disediakan SP4, ada dinyatakan bahawa dalam perut arwah si mati ada makanan yang separuh hadam. Oleh itu, dihujahkan bahawa kejadian bunuh boleh berlaku biia-bila masa selepas pukul 5 petang. PKMT melakukan kesilapan apabila mendapati perayu ada kaitan dengan barang kes yang dijumpai di kawasan SKBL sedangkan tiada keterangan yang menunjukkan perayu berada di kawasan SKBL selepas pukul 5 petang hari kejadian. Dihujahkan bahawa adalah sangat tidak berkemungkinan untuk menuduh perayu menyembunyikan barang-barang kes yang dijumpai di kawasan SKBL dan PKMT melakukan kesilapan apabila

menerima masuk keterangan di bawah s 27 Akta Keterangan 1950 ('AK 1950'). A

[28] Setelah diteliti, kami mendapati bahawa ketiga-tiga alasan yang dikemukakan peguam perayu di bawah isu pertama tersebut bolehlah dilihat dan diberikan pertimbangan secara bersekali. Sebagai permulaan, perlulah dinyatakan bahawa penggantungan pihak pendakwaan kepada keterangan mengikut keadaan bagi membuktikan kes terhadap perayu adalah tidak dipertikaikan. Ini kerana tiada saksi mata yang melihat perayu mengelar leher arwah si mati yang telah disahkan sebagai penyebab kematian arwah si mati. B C

[29] Undang-undang berhubung dengan keterangan mengikut keadaan adalah jelas. Dalam kes *Jayaraman & Ors v Public Prosecutor* [1982] 2 MLJ 306, Mahkamah Persekutuan berdepan dengan persoalan undang-undang berhubung dengan keterangan mengikut keadaan seperti berikut: D

> Whether it is correct law that in dealing with a case which relies on circumstantial evidence it does not make any difference if a court finds that in considering all the evidence it is satisfied beyond reasonable doubt that the accused is guilty of the offence or if the court says that the evidence points only to the irresistible conclusion that the accused is guilty. E

Mahkamah Persekutuan, melalui keputusan yang disampaikan oleh Suffian LP telah membuat pemerhatian dan seterusnya memutuskan sepertimana berikut:

> Mr Vijandran submits that the answer to this question is that it is not correct — meaning that in a case depending on circumstantial evidence the conviction cannot stand if the court merely says that the prosecution case has been proved beyond reasonable doubt; the court must go further and say that the facts proved irresistibly point to one and only one conclusion, the guilt of the accused. Encik Mokhtar on the contrary submits that it is correct — meaning that it is enough if the court merely says that it is satisfied of the guilt of the accused beyond reasonable doubt without further saying that the facts proved irresistibly point to one and only one conclusion, the guilt of the accused. F G
>
> With respect we agree with Encik Mokhtar, following the House of Lords decision in *McGreevy v Director of Public Prosecutions* [1973] 1 WLR 276; [1973] 1 All ER 503, and thus modifying the ruling of this court in several local cases which seems to lay a heavier burden of proof on the prosecution where it depends on circumstantial evidence than where it depends on direct evidence. H
>
> Some of these local cases are mentioned by Professor Ahmad Ibrahim in a note on *Circumstantial Evidence* at [1973] 1 MLJ xlvi and they are *Kartar Singh & Anor v Public Prosecutor* [1952] MLJ 85, *Idris v Public Prosecutor* [1960] MLJ 296, *Chan Chwen Kong v Public Prosecutor* [1962] MLJ 307, *Sunny Ang v Public Prosecutor* [1966] 2 MLJ 195, *Karam Singh v Public Prosecutor* [1967] 2 MLJ 25, *Chang Kim Siong v Public Prosecutor* [1968] 1 MLJ 36 and *Muniandy v Public Prosecutor* [1973] 1 MLJ 179. I

Setelah merujuk dan meneliti keputusan-keputusan terdahulu yang diputuskan berdasarkan keterangan ikut keadaan, Mahkamah Persekutuan telah mengemukakan pandangan sepertimana berikut:

> In our view the irresistible conclusion test only seems to place on the prosecution a higher burden of proof than in a case where it depends on direct evidence, for in fact to apply the one and one only irresistible conclusion test is another way of saying that the prosecution must prove the guilt of the accused beyond reasonable doubt.
>
> As Syed Othman FJ, said in the instant case this is only a 'play on words'. If the facts proved point to a reasonable alternative to the guilt of the accused, that is only another way of saying that there is a doubt in the prosecution case and so the prosecution has not proved its case beyond reasonable doubt. Similarly if the facts proved show some reasonably possible explanation, for example an accident, or if they are inconsistent with any other hypothesis than that of the guilt of the accused or if they are capable of an innocent interpretation or if they are ambiguous as being equally consistent with guilt or innocence. In all these cases the facts proved do not point to the guilt of the accused, the trial court is or cannot be sure that the accused is guilty and must acquit — because the prosecution has not proved its case beyond reasonable doubt.
>
> We respectfully agree with what Menzies J, said in the Australian case already cited *Plomp v The Queen* (1963) 110 CLR 234 that the customary direction to a jury was not something separate and distinct from the direction that the prosecution must prove its case beyond reasonable doubt, and that the giving of the particular direction stemmed from the more general requirement that proof must be established beyond reasonable doubt.
>
> So, in a case tried without a jury and depending on circumstantial evidence, in our judgment, respectfully following *McGreevy* [1973] 1 WLR 276; [1973] 1 All ER 503, it is enough for the trial judge to remember only that the prosecution need prove its case beyond reasonable doubt, and failure by him to also say that the circumstances are not only consistent with the accused having committed the crime but also such that they are inconsistent with any other reasonable explanation, is not fatal. In other words, we agree with Encik Mokhtar that the answer to question 1 is yes, it is correct — meaning that in a case depending on circumstantial evidence it is enough if the court merely says that it is satisfied of the accused's guilt beyond reasonable doubt, without further saying that the facts proved irresistibly point to one and only one conclusion, namely the accused's guilt.

[30] Dalam kes *Nadasan Chandra Secharan v Public Prosecutor* [1997] 1 SLR 723, Mahkamah Rayuan Singapura melalui keputusan yang disampaikan oleh Yong Pung How CJ telah memutuskan bahawa:

> The law on circumstantial evidence is clear. For a conviction, the inference of guilt has to be irresistible at the end of the trial: see *Ang Sunny v PP* [1966] 2 MLJ 195; [1965–1968] SLR 67 and *PP v Oh Laye Koh* [1994] 2 SLR 385.
>
> The prosecution had also drawn our attention to the case of *Shepherd v R* (1990) 97

ALR 161 at 165 whereby the court stated as follows:

> But it may be possible for a jury to conclude that the accused was guilty as a matter of inference beyond reasonable doubt from evidence of opportunity, capacity and motive without expressly identifying the intermediate fact that the accused was present when the crime was committed ...
>
> As I have said, the prosecution bears the burden of proving all the elements of the crime beyond reasonable doubt. That means that the essential ingredients of each element must be so proved. It does not mean that every fact — every piece of evidence — relied upon to prove an element by inference must itself be proved beyond reasonable doubt ... Indeed, the probative force of a mass of evidence may be cumulative, making it pointless to consider the degree of probability of each item of evidence separately.

We agree entirely with the above statement.

[31] Berbalik kepada rayuan di hadapan kami, peguam perayu memilih untuk mempertikaikan beberapa fakta yang dikatakan telah meragukan kes di peringkat pendakwaan yang bergantung sepenuhnya kepada keterangan mengikut keadaan. Sebelum membuat pertimbangan ke atas fakta-fakta yang dikatakan meragukan tersebut, keterangan yang dikemukakan saksi-saksi pihak pendakwaan berhubung dengan keterangan mengikut keadaan yang mengaitkan perayu dengan kejadian pembunuhan arwah si mati perlulah dilihat terlebih dahulu.

[32] Menurut keterangan SP10, dia dan perayu bertugas bersama pada pagi 25 Okober 2015. Lebih kurang pukul 3 pagi SP10 ada menerima satu video dalam grup 'WeChat' yang dihantar oleh arwah si mati yang menunjukkan bahawa arwah si mati sedang duduk makan-makan bersama teman lelaki barunya, Mohamad Syafiq Danial bin Rosdi (SP21). SP10 telah menghantar video tersebut kepada perayu kerana setahu SP10, arwah si mati adalah teman wanita perayu. Setelah menerima video tersebut, perayu tiba-tiba memberitahu bahawa dia mahu keluar kerana dikatakan tidak sihat. Perayu tidak kembali bertugas sehinggalah SP10 menukar syif pada pukul 7 pagi. Pada pukul 7 petang hari yang sama, SP10 masuk kerja semula dan mendapati perayu tidak datang bekerja. Hanya pada pukul 8 malam barulah perayu datang dan keluar semula pada pukul 9 malam dengan alasan mahu berehat dan makan-makan. Pada 26 Okober 2015 lebih kurang pukul 1 pagi perayu datang ke pondok pengawal tempat SP10 bekerja diiringi pihak polis dan perayu telah membawa pihak polis ke bahagian belakang pondok pengawal. SP10 telah dimaklumkan oleh pihak polis bahawa perayu terlibat dengan satu kes bunuh di Teluk Kumbar. Lihat ms 51–52 di kandungan 17 rekod rayuan ('RR').

[33] SP8 adalah jiran arwah si mati dan bekerja sebagai seorang operator

kilang. Menurut keterangan SP8, lebih kurang pukul 7.40 pagi pada 25 Oktober 2015 dia balik dari tempat kerja dan ada terserempak dengan seorang lelaki Melayu yang tidak dikenalinya berada di hadapan rumah tempat kejadian. Sebaik sahaja lelaki tersebut melihat SP8, dia terus bergegas pergi. Pada kira-kira pukul 7.30 petang, SP8 telah dimaklumkan tentang kematian arwah si mati oleh SP18. Pada 5 November 2015, kira-kira pukul 10.50 pagi SP8 telah menghadiri sesi kawad cam dan telah mengecam perayu sebagai orang yang dia terserempak pada pukul 7,40 pagi 25 Okober 2015 di hadapan rumah tempat kejadian. Lihat ms 45–46 di kandungan 17 RR.

[34] SP24 adalah pegawai polis yang menjalankan tangkapan ke atas perayu. Menurut keterangan SP24, pada 25 Okober 2015 dia ada menerima arahan daripada SP2 untuk menangkap suspek berkaitan satu kes bunuh di Teluk Kumbar. SP24 dan pasukannya telah pergi ke rumah tempat kejadian untuk mengesan suspek iaitu teman lelaki arwah si mati bernama Tarmizi. Tangkapan dibuat ke atas suspek iaitu perayu lebih kurang pada pukul 11 malam yang dilihat berlegar di bawah Blok 5 rumah tempat kejadian. Perayu dibawa balik ke Balai Polis Teluk Kumbar. Semasa disoal siasat, perayu telah meminta semua anggota polis yang ada dalam bilik soal siasat keluar dan hanya mahu bercakap dengan SP24 seorang sahaja. Setelah perayu kelihatan ingin memberikan maklumat, SP24 telah memberikan amaran bahawa maklumat tersebut perlulah benar dan tanpa paksaan atau ganjaran. SP24 terus mencatatkan maklumat tersebut di atas sekeping kertas ('P57A'). Berdasarkan maklumat yang diberikan dan dipandu arah oleh perayu, SP24 telah pergi ke SKBL tempat perayu bekerja. Kira-kira pukul 12.50 pagi 26 Okober 2015, perayu telah menunjukkan ke arah satu simen konkrit penutup lurang yang berada di belakang pondok pengawal. Setelah melihat ke dalam lurang tersebut, SP24 nampak ada sehelai kain putih dan dua bilah pisau. Selepas itu, kira-kira pukul 1.05 pagi, perayu memberikan satu lagi maklumat yang dicatatkan SP24 pada satu kertas yang kemudiannya dikemukakan sebagai eksh P57B. Perayu kemudiannya memandu arah SP24 ke satu pokok kecil berdekatan pondok pengawal lalu ditunjukkan satu bungkusan plastik lut sinar yang terselit di celah dahan pokok tersebut. Pasukan forensik yang diketuai oleh Insp Anantha Rao a/l Ramolo ('SP13') kemudiannya mengambil alih siasatan berhubung dengan barang-barang kes yang dijumpai tersebut. Lihat ms 171–184 di Kandungan 15 RR.

[35] Bedah siasat ke atas arwah si mati telah dilakukan SP4. Daripada keterangan jelas menunjukkan bahawa arwah si mati mengaiami luka kelar di bahagian depan leher dan luka tersebut telah disahkan sebagai penyebab kematian arwah si mati. Selain itu, ada kesan lebam dan melecet pada tubuh arwah si mati. SP4 turut mendapati bahawa arwah si mati juga mengaiami kecederaan di bahagian faraj. Terdapat kesan koyakkan pada selaput dara dan kesan koyakkan tersebut adalah koyakkan baru kerana cecair berserta darah

masih kelihatan meleleh keluar dari faraj semasa dibedah siasat. SP4 telah mengambil sampel cecair daripada faraj arwah si mati menggunakan kapas kesat untuk tujuan analisis.

[36] SP2 menghantar barang-barang kes ke Jabatan Kimia Malaysia, Pulau Pinang. SP3 telah menjalankan analisis DNA ke atas barang-barang kes termasuklah barang-barang yang dijumpai di perkarangan SKBL iaitu sehelai anak tudung, dua bilah pisau dan telefon bimbit. SP2 juga menghantar pakaian yang dirampas daripada perayu dan kapas kesat cecair yang diambil daripada faraj arwah si mati. Dalam laporan kimia yang disediakan, SP3 mengesahkan bahawa terdapat profil DNA arwah si mati pada anak tudung dan dua bilah pisau yang ditemui di perkarangan SKBL. SP3 juga mengesahkan adanya campuran profil DNA arwah si mati dan perayu pada baju dan seluar yang dirampas daripada perayu, pada telefon bimbit milik arwah si mati yang diambil di perkarangan SKBL dan pada kapas kesat cecair yang diambil daripada faraj arwah si mati.

[37] Berdasarkan keterangan-keterangan mengikut keadaan tersebut, jelaslah bahawa pihak pendakwaan telah meletakkan asas yang kukuh untuk mengaitkan perayu dengan perbuatan melakukan bencana tubuh ke atas arwah si mati yang menyebabkan kematian arwah si mati. Secara ringkasnya, keterangan menunjukkan bahawa ada perubahan yang ketara pada perlakuan perayu sebaik sahaja SP10 menunjukkan video arwah si mati keluar makan-makan dengan SP21 pada awal pagi hah kejadian, 25 Okober 2015. Berdasarkan keterangan tersebut, ada sebab untuk perayu sakit hati terhadap arwah si mati. Perayu telah meninggalkan tempat kerjanya sejurus selepas itu atas alasan tidak sihat. Namun begitu, perayu telah dilihat berada di hadapan rumah tempat kejadian oleh SP8 pada pagi hari kejadian walaupun perayu menggunakan alasan tidak sihat untuk meninggalkan tempat kerjanya. Setelah perayu ditangkap pada pukul 11 malam hari yang sama, perayu memberi maklumat dan memandu arah SP24 ke tempat kerjanya di SKBL di mana sebahagian barang-barang kes telah dijumpai. SP3 mengesahkan bahawa ada profil DNA arwah si mati dan perayu pada beberapa barang-barang kes yang dianalisis.

[38] Pada pandangan kami, keterangan mengikut keadaan paling relevan ataupun yang boleh diibaratkan sebagai tali pengikat di antara keterangan-keterangan mengikut keadaan lain yang dapat mengaitkan perayu dengan pembunuhan arwah si mati adalah penemuan profil DNA pada barang-barang kes. Profil DNA arwah si mati yang ada pada kedua-dua bilah pisau yang ditemui hasil maklumat dan pandu arah oleh perayu jelas menunjukkan bahawa pisau-pisau tersebut digunakan untuk mengelar bahagian depan leher arwah si mati yang telah disahkan oleh SP4 sebagai penyebab kematian arwah si mati. Campuran DNA arwah si mati dan perayu

pada baju serta seluar yang dirampas daripada perayu menunjukkan bahawa hanya perayu berada di tempat kejadian dan hanya perayu yang terlibat mendatangkan bencana tubuh ke atas arwah si mati. Campuran DNA arwah si mati dan perayu pada telefon bimbit arwah si mati yang ditemui hasil maklumat dan pandu arah oleh perayu menunjukkan bahawa perayu berada dengan arwah si mati dan telah mengambil telefon tersebut untuk disorokkan di tempat kerjanya di SKBL. Begitu juga dengan campuran profil DNA arwah si mati dan perayu pada kapas kesat cecair yang diambil daripada faraj arwah si mati jelas menunjukkan bahawa perayu telah merogol arwah si mati pada masa kejadian.

[39] Selain itu, fakta atau keterangan yang dapat menunjukkan bahawa arwah si mati telah dirogol pada masa kejadian juga dapat dilihat daripada Laporan Bedah Siasat P18 yang dikemukakan pihak pendakwaan melalui SP4. Semasa bedah siasat dan pengambilan sampel cecair daripada faraj arwah si mati, SP4 dalam laporannya ada membuat pemerhatian sepertimana berikut:

> GENITALIA
>
> Blood-stained fluid was seen oozing from the vagina. An Abrasion was seen was seen in the lower fornix with a contusion at the lower part of the labia minora. The hymen was torn.

Daripada keterangan tersebut nyatalah bahawa perbuatan rogol yang dilakukan ke atas arwah si mati berlaku pada sekitar masa yang sama dengan perbuatan mendatangkan bencana tubuh yang menyebabkan kematian arwah si mati. Kejadian rogol tersebut adalah kejadian baru kerana kesan darah masih kelihatan keluar daripada faraj arwah si mati pada masa bedah siasat dijalankan. Oleh kerana hanya ada profil DNA milik perayu dan arwah si mati yang dikesan pada kapas kesat cecair yang diambil daripada faraj arwah si mati, maka tidak berkemungkinan ada orang lain yang terlibat merogol dan mendatangkan bencana tubuh ke atas arwah si mati.

[40] Berbalik kepada alasan pertama dan alasan ketiga di bawah isu pertama yang dikemukakan peguam perayu, kami berpandangan bahawa fakta-fakta yang dipetik peguam perayu yang dihujahkan sebagai fakta-fakta yang boleh meragui kes pihak pendakwaan adalah lebih menjurus kepada cabaran pihak perayu terhadap penerimaan keterangan di bawah s 27 AK 1950 oleh PKMT. Peguam perayu cuba menunjukkan bahawa terdapat keraguan, iaitu dengan menimbulkan persoalan sama ada perayu ataupun ada kemungkinan pihak lain yang telah meletakkan barang-barang kes yang dijumpai di perkarangan SKBL. Berdasarkan kepada dakwaan wujudnya keraguan tersebut, peguam perayu berhujah bahawa PKMT tersilap apabila menerima keterangan berhubung dengan maklumat yang diberikan dan pandu arah oleh perayu yang disusuli dengan penemuan barang-barang kes.

[41] Kedudukan undang-undang berhubung dengan penerimaan keterangan di bawah s 27 AK 1950 adalah jelas. Terdapat banyak keputusan Mahkamah yang memutuskan isu berkaitan penerimaan keterangan tersebut. Antara lainnya, Mahkamah Persekutuan dalam kes *Francis Anthonysamy v Public Prosecutor* [2005] 3 MLJ 389; [2005] 2 CLJ 481 telah secara jelas membuat keputusan sepertimana berikut:

> The object of the voluntariness rule in s 24 is therefore to preserve the privilege. The resultant critical issue for determination is whether this privilege also extends to s 27. If this privilege is to be read as a part of s 27 the information supplied under the section must, in the first place, be also subject to the voluntariness rule in s 24. If it is not so subjected s 27 will not be governed by the privilege. It has been established by a long line of authorities that s 27 is independent and is not subject to the voluntariness rule in s 24. See, for example, *Lee Kok Eng v Public Prosecutor* [1976] 2 MLJ 125; [1975] 1 LNS 82; *Chong Soon Koy v Public Prosecutor* [1977] 2 MLJ 78; [1977] 1 LNS 20; *Chandrasekaran & Ors v Public Prosecutor* [1971] 1 MLJ 153; [1970] 1 LNS 11 and *Wai Chan Leong v Public Prosecutor* [1989] 3 MLJ 356; [1989] 2 CLJ 1168; [1989] 1 CLJ Rep 171. Then came *Md Desa bin Hashim v Public Prosecutor* [1995] 3 MLJ 350; [1995] 4 CLJ 677 where it was ruled that in order for information supplied under s 27 to be admissible it must be voluntary. The law was re-instated to its rightful position in *Goi Ching Ang v Public Prosecutor* [1999] 1 MLJ 507; [1999] 1 CLJ 829. In our opinion it is illogical to suggest that s, 27 is subject to the voluntariness rule in s 24. If that were to be so the desired evidence can be admitted under s 24 without there being any need for s 27. The fact that s 27 has been specifically enacted is therefore a clear indication that it has a purpose of its own to serve. As it applies only to a restricted and specified type of evidence as opposed to s 24 it can only mean that it is an independent provision which is unaffected by s 24, or, for that matter, any other statutory provision regulating the manner of taking or recording statements from any person. This is illustrated by the established rule that information relating to facts discovered in consequence of a confession rendered inadmissible by reason of being involuntary is still admissible under s 27 (see *R v Warickshall* [1783] 1 Leach CC 263; *R v Lockhart* [1785] 1 Leach 386). Thus, the existence of s 27 on its own without being affected by ss 24, 113 and 37A of the Dangerous Drugs Act 1952 was correctly recognised by this court in *Wai Chan Leong v Public Prosecutor* [1989] 3 MLJ 356; [1989] 2 CLJ 1168; [1989] 1 CLJ Rep 171. That would also be the inevitable result of the relationship between ss 112 and 27. The corollary is that s 27 is not subject to the voluntariness rule or any other prescribed mode of recording statements. Even the passage from *Goi Ching Ang v Public Prosecutor* [1999] 1 MLJ 507; [1999] 1 CLJ 829 referred to by learned counsel does not support the stand taken by him. This court referred to s 112 in that case not as a condition of admissibility of information under s 27 but as a ground for excluding such evidence in the exercise of the discretion of the court. Both are different concepts. Since voluntariness is not a condition of admissibility of information supplied under s 27 the privilege against self-incrimination which is manifested in an involuntary statement or in a statement made in breach of the requirements of s 112 must be deemed to have been impliedly abrogated insofar as s 27 is concerned. It follows that the argument of learned counsel that s 27 is subject to the voluntariness rule in s 24 and the privilege against self-incrimination in s 112 cannot be sustained.

[42] Berasaskan prinsip undang-undang yang jelas tersebut, kami mendapati bahawa tidak berlaku sebarang kesilapan dari segi fakta ataupun undang-undang apabila PKMT membuat keputusan untuk menerima kedua-dua maklumat yang telah ditandakan sebagai ekshs P57A dan P57B yang diberikan perayu kepada SP24 berhubung dengan penemuan barang-barang kes di perkarangan SKBL.

[43] Bagi alasan kedua di bawah isu pertama pula, peguam perayu membangkitkan fakta berhubung dengan penemuan satu profil DNA lelaki yang tidak dikenal pasti yang dilabelkan sebagai 'Lelaki 1' oleh SP3 yang disahkan wujud pada topi keledar yang di ambil SP2 di ruang tamu rumah tempat kejadian. Bersandarkan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Public Prosecutor v Hanif Basree bin Abdul Rahman* [2008] 3 MLJ 161 (kes *Hanif Basree),* peguam perayu berhujah bahawa telah timbul keraguan pada kes pihak pendakwaan apabila pihak pendakwaan gagal memberikan penjelasan berhubung dengan kewujudan profil DNA lelaki yang tidak dikenal pasti tersebut.

[44] Dengan hormatnya, kami tidak dapat bersetuju dengan hujahan peguam perayu tersebut. Kami berpandangan bahawa topi keledar yang diambil oleh SP2 daripada rumah arwah si mati bukanlah satu barang bukti yang signifikan dalam pembuktian kes pihak pendakwaan. Ini kerana topi keledar yang ada profil DNA lelaki yang tidak dikenal pasti tersebut bukannya diperoleh daripada dalam bilik arwah si mati. Berbeza dengan fakta dalam kes *Hanif Basree,* profil DNA 'lelaki yang tidak dikenali' dalam kes tersebut dikesan daripada bahan uji yang diambil sampelnya dari bahagian tubuh si mati sendiri. Oleh itu, faktor signifikannya barang kes adalah berbeza dalam kes *Hanif Basree* berbanding dengan kes terhadap perayu di hadapan kami. Lagipun, ada keterangan menunjukkan bahawa topi keledar tersebut milik sepupu arwah si mati iaitu Siti Nurul Hidayah bt Ja'afar ('SP6') yang diletakkan di ruang tamu rumah semasa datang menziarahi jenazah arwah si mati. Semasa diarahkan pihak polis yang menjalankan siasatan supaya beredar daripada tempat kejadian, SP6 tidak sempat mengambil topi keledarnya. Keterangan SP6 tersebut tidak dicabar peguam perayu. Oleh itu, kami berpandangan bahawa tiada keraguan boleh ditimbulkan berkaitan dengan kewujudan DNA lelaki yang tidak dikenal pasti tersebut.

[45] Begitu juga dengan telefon bimbit kepunyaan perayu yang dikatakan telah hilang dan tidak dapat dijalankan analisis oleh SP3. Kami berpandangan bahawa telefon bimbit milik perayu tersebut bukanlah satu barang bukti yang signifikan dalam pembuktian kes oleh pihak pendakwaan. Ketiadaan analisis DNA ataupun pengesanan cap jari ke atas telefon bimbit milik perayu tersebut tidak menjejaskan atau boleh meragukan kes pihak pendakwaan dalam apa bentuk sekalipun.

[46] Berdasarkan alasan-alasan tersebut, kami sebulat suara menolak hujahan peguam perayu bagi ketiga-tiga alasan di bawah isu pertama. Walaupun peguam perayu cuba membangkitkan beberapa fakta yang didakwa boleh menimbulkan keraguan yang munasabah kepada kes pihak pendakwaan, kami berpandangan bahawa nilai probatif keterangan mengikut keadaan yang dikemukakan pihak pendakwaan adalah melangkaui nilai keraguan yang cuba dibangkitkan peguam perayu. Oleh itu, kami mendapati bahawa ketiga-tiga alasan yang dibangkitkan peguam perayu tersebut tidak bermerit untuk diberikan pertimbangan dan digunakan sebagai alasan-alasan yang boleh menimbulkan keraguan kepada kes pihak pendakwaan.

[47] Dalam pada itu, kami telah membuat penelitian dan pertimbangan yang mendalam ke atas alasan penghakiman yang telah disediakan oleh PKMT berhubung dengan elemen-elemen yang perlu dibuktikan pihak pendakwaan terhadap perayu walaupun perkara tersebut tidak disentuh dalam hujahan peguam perayu. Setelah diteliti, kami mendapati bahawa PKMT telah membuat pertimbangan yang sewajarnya ke atas semua elemen yang perlu dibuktikan pihak pendakwaan bagi membuktikan pertuduhan pertama terhadap perayu.

[48] Di perenggan 21 alasan penghakiman, PKMT mendapati bahawa pihak pendakwaan bergantung kepada peruntukan perenggan 300(c) KK untuk membuktikan pertuduhan pertama terhadap perayu. PKMT seterusnya membincangkan elemen-elemen yang perlu dibuktikan pihak pendakwaan dengan merujuk kepada keterangan-keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan yang ada di hadapan beliau dan juga kes-kes autoriti yang telah diputuskan.

[49] Kami mendapati bahawa PKMT telah membuat pertimbangan yang sewajarnya ke atas kesemua elemen yang perlu dibuktikan pihak pendakwaan bagi membuktikan pertuduhan membunuh di bawah s 302 KK. Setelah kami meneliti dan menimbang keseluruhan keterangan yang ada di hadapan PKMT, kami mendapati bahawa PKMT tidak melakukan sebarang kesilapan dari segi undang-undang ataupun fakta apabila memutuskan bahawa di atas pertimbangan secara maksimum segala keterangan, pihak pendakwaan telah berjaya membukti kesemua elemen atau inti pati pertuduhan yang perlu dibuktikan terhadap perayu di bawah pertuduhan pertama.

[50] Oleh itu, tiada sebab untuk kami mengganggu keputusan PKMT yang mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie di akhir kes pendakwaan terhadap perayu dan memanggil perayu untuk membela diri.

[51] Di peringkat pembelaan, peguam perayu juga membangkitkan tiga alasan bagi mewajarkan kami mengusik dapatan yang dicapai PKMT. Bagi

alasan pertama, dihujahkan bahawa asas utama pembelaan adalah penafian perayu memasuki rumah arwah si mati kerana kunci yang diberikan arwah si mati pada ketika itu berada di rumah kakak perayu. Dalam alasan penghakiman, PKMT memutuskan untuk menolak pembelaan perayu atas alasan bahawa pihak pembelaan gagal memanggil kakak perayu sebagai saksi bagi mengesahkan kunci IDD69 yang dikemukakan pihak pembelaan berada di rumah kakak perayu. Dihujahkan bahawa tugas pihak pembelaan hanya untuk menimbulkan keraguan munasabah sahaja kepada kes pendakwaan dan bukannya dibebankan dengan tugas untuk membuktikan pembeiaannya. Oleh itu, PKMT telah melakukan salah arah yang serius yang mewajarkan sabitan diketepikan.

[52] Bagi alasan kedua pula, perayu dalam pembeiaannya menafikan kenyataan yang dibuat SP2 yang menyatakan perayu masuk ke tempat kejadian menggunakan anak kunci P50A(1–2). Sebaliknya anak kunci IDD69 adalah anak kunci yang diberikan arwah si mati kepada perayu dan disimpan di rumah kakak perayu pada hari kejadian. Mahkamah tidak berpeluang mencuba buka kunci rumah tempat kejadian menggunakan anak kunci IDD69 kerana ianya telah hilang semasa dalam simpanan mahkamah. Oleh itu, dihujahkan bahawa pihak pembelaan telah berjaya meragukan keterangan pihak pendakwaan berhubung anak kunci P50A(1–2) dan faedah keraguan perlulah diberikan kepada perayu.

[53] Akhirnya, bagi alasan ketiga peguam perayu merujuk kepada soalan yang dicadangkan kepada perayu oleh pihak pendakwaan semasa keterangan membela diri. Situasi yang dicadangkan adalah, perayu telah menekup muka arwah si mati dengan bantal dengan satu tangan dan pada masa yang sama, satu tangan lagi menghiris leher arwah si mati menggunakan kedua-dua bilah pisau. Namun begitu, dihujahkan bahawa situasi yang dicadangkan tersebut meragukan kes pihak pendakwaan kerana tidak ditemui sebarang kesan cap jari perayu pada kedua-dua bilah pisau tersebut.

[54] Melihat kepada keterangan pembelaan yang telah dikemukakan perayu semasa membela diri, keterangan tersebut kebanyakannya selari dengan keterangan pihak pendakwaan. Perayu mengakui SP10 ada menunjukkan video gambar lelaki kepadanya tetapi menafikan adanya gambar arwah si mati. Perayu mengakui keluar kerja awal kerana alasan tidak sihat dan mengakui ada pergi ke rumah arwah si mati untuk mengajaknya bersarapan seperti kebiasaan dilakukan pada hari Ahad. Perayu mengetuk pintu rumah tempat kejadian tetapi tidak dibuka dan berlalu apabila melihat SP8. Perayu tidak membuka kunci pintu rumah kerana anak kunci yang diberikan arwah si mati ditinggalkan di rumah kakaknya di Teluk Kumbar dan dia tinggal di rumah kakak sulungnya di Permatang Damar Laut pada masa tersebut. Perayu menafikan telah menggunakan anak kunci P6(24) seperti yang dinyatakan

oleh SP24 dalam laporan polis dan keterangan SP24 di mahkamah. Perayu mengakui telah ditangkap pada sekitar pukul 11 malam di blok bawah tempat kejadian dan telah dibelasah polis supaya mengaku melakukan pembunuhan. Perayu menafikan telah memberikan maklumat kepada SP24 tetapi mengakui ada memandu arah pihak polis ke tempat kerjanya di SKBL apabila disuruh oleh SP24. Apabila tiba di tempat barang kes disimpan di perkarangan SKBL, perayu menyatakan bahawa dia disuruh pihak polis mengakui barang kes tersebut. Gambar P7(3), (7) dan (8) yang menggambarkan perayu sedang menunjuk ke arah barang-barang kes juga didakwa atas arahan pihak polis. Perayu menafikan ada kaitan dengan barang-barang kes yang ditemui tersebut. Selain itu, perayu juga mengakui bahawa SP24 ada mengambil pakaiannya dari rumah kakaknya di Permatang Damar Laut. Mengenai kesan darah arwah si mati yang ada pada pakaiannya, perayu menyatakan bahawa pada sekitar pukul 4 petang 24 Mei 2015 dia ada menjemput arwah si mati untuk pergi ke Pantai Ombak Damai dan telah melakukan hubungan seks. Oleh kerana arwah si mati masih dara dan mereka melakukan seks secara berdiri dari arah belakang, maka kesan darah arwah terlekat pada pakaiannya. Akhirnya, perayu mengakui bahawa dia telah dicamkan SP8 dalam kawad cam tetapi menafikan penglibatannya dalam pembunuhan arwah si mati.

[55] Alasan pertama dan alasan kedua yang dibangkitkan peguam perayu adalah berkaitan dengan anak kunci rumah tempat kejadian. Ada dua isu yang dibangkitkan iaitu mengenai kesilapan PKMT mengenakan beban pembuktian ke atas perayu untuk membuktikan IDD69 dan juga isu kehilangan IDD69. Bagi isu beban pembuktian, peguam perayu merujuk kepada alasan penghakiman PKMT di perenggan 116 yang menyatakan sepertimana berikut:

> Another defence raised by the Accused was in respect of the duplicate keys to the Deceased's home (IDD69) which the Accused claimed to have left at his sister's house. The said key was produced by the defence during the commencement of trial. It cannot be determined whether the key IDD69 was duplicate key to the Deceased's home which was said to have been left at the Accused's sister's house. The defence should have called the Accused's sister to attend court to confirm that the said key IDD69 was indeed placed at her house but the defence did not do so. Up till the close of the defence case, no effort was made by the defence to admit the key IDD69 as exhibit. I therefore dismissed the defence raised by the Accused in respect of the existence of key IDD69 which the Accused claimed to have been given to the Deceased. Accordingly, the evidence adduced by the Prosecution in proving that the Accused had entered the house of the Deceased using the duplicate key [P50A (1-2)] at the crime scene which was placed on the shoe rack at the house was unsuccessfully disputed by the defence.

[56] Daripada alasan tersebut, nampaknya seperti ada beban yang dikenakan ke atas perayu apabila PKMT menyatakan bahawa pihak pembelaan sepatutnya memanggil kakak perayu sebagai saksi untuk

mengesahkan pembelaan perayu. Walaupun dalam jurisprudens jenayah di negara kita tidak ada beban untuk tertuduh membuktikan dirinya tidak bersalah, namun begitu, tertuduh perlu menimbulkan suatu keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan untuk melepaskan diri daripada sabitan bersalah. Bagi tujuan tersebut, perlulah wujud suatu keadaan atau suatu fakta yang ditimbulkan di peringkat pembelaan dan ianya perlulah boleh diterima mahkamah sebagai suatu keadaan atau suatu fakta yang telah menimbulkan satu keraguan kepada kes pendakwaan. Persoalannya, bagaimana boleh diwujudkan suatu keadaan atau suatu fakta yang boleh diterima sebagai suatu keraguan tersebut? Jawapannya sudah tentulah daripada keterangan yang ada di hadapan mahkamah, termasuklah keterangan yang diberikan saksi atau saksi-saksi di peringkat pembelaan.

[57] Berbalik kepada pembelaan perayu, pihak pembelaan ingin mengemukakan suatu fakta, iaitu perayu tidak masuk ke tempat kejadian atau masuk ke dalam bilik arwah si mati pada hari kejadian. Bagi tujuan tersebut, perayu mengemukakan keterangan yang menyatakan bahawa anak kunci IDD69 yang dikatakan telah diberikan arwah si mati kepada perayu tidak ada dengan perayu pada masa kejadian kerana ianya disimpan di rumah kakak perayu di Permatang Damar Laut. Walaupun pihak pembelaan tidak dibebani dengan beban pembuktian untuk membuktikan dirinya tidak bersalah, fakta yang hendak dikemukakan pihak pembelaan berhubung dengan IDD69 perlulah berasas dan boleh dipercayai mahkamah untuk menimbulkan keraguan kepada kes pendakwaan. Oleh kerana fakta tersebut hanya berada dalam pengetahuan perayu dan kakak perayu sahaja, maka wajarlah kakak perayu datang ke mahkamah untuk mengesahkan fakta tersebut. Tanpa keterangan yang sedemikian, mewajarkan dapatan PKMT untuk menolak pembelaan yang dikemukakan perayu berkaitan dengan IDD69 dan menerima keterangan pihak pembelaan yang menunjukkan perayu masuk ke tempat kejadian menggunakan kunci P50A (1–2). Dengan itu, kami mendapati bahawa PKMT tidak melakukan kesilapan dalam dapatan yang dicapainya jika dilihat daripada sudut penilaian ke atas suatu keterangan yang ada di hadapan beliau.

[58] Bagi isu kehilangan IDD69 daripada simpanan mahkamah pula, kami berpandangan bahawa fakta telah pun berada dalam pertimbangan PKMT semasa memutuskan untuk memanggil perayu membela diri di peringkat prima facie di akhir kes pendakwaan. Dengan kata lain, isu-isu yang dibangkitkan pihak pembelaan berkaitan dengan anak kunci P50A(1–2) atau pun IDD69 yang diberikan arwah si mati kepada perayu perlulah dilihat secara holistik. Ini kerana, mahkamah perlulah membuat penilaian ke atas keseluruhan keterangan yang ada di hadapannya baik keterangan semasa di peringkat kes pendakwaan mahupun keterangan di peringkat pembelaan.

[59] Di akhir kes pendakwaan, setelah membuat pertimbangan secara maksimum segala keterangan yang ada di hadapannya, PKMT telah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan perayu berada dalam bilik arwah si mati di tempat kejadian dan telah melakukan perbuatan sepertimana dalam dua pertuduhan. Dengan kata lain, keterangan yang dikemukakan pihak pendakwaan berhubung dengan kehadiran perayu di tempat kejadian telah berjaya dibuktikan tanpa sebarang keraguan. Kami berpandangan bahawa isu-isu yang cuba dibangkitkan pihak pembelaan berhubung dengan anak kunci P50A(1–2) atau IDD69 bukanlah isu-isu yang boleh menimbulkan keraguan kepada kes pendakwaan. Isu-isu tersebut tidak boleh mengatasi keterangan melimpah ruah yang dikemukakan pihak pendakwaan berhubung dengan penglibatan perayu dalam kejadian merogol dan membunuh arwah si mati.

[60] Akhirnya, pihak pembelaan bergantung alasan ketiga iaitu berhubung dengan isu yang timbul semasa perayu disoal balas berkaitan dengan dua bilah pisau yang dikatakan digunakan perayu semasa mendatangkan bencana tubuh ke atas arwah si mati. Keadaan atau fakta yang dikatakan telah membangkitkan keraguan adalah mengenai ketiadaan kesan cap jari perayu pada kedua-dua bilah pisau yang dikatakan digunakan untuk mengelar leher arwah si mati.

[61] Sekali lagi, keadaan atau fakta yang dikatakan telah menimbulkan keraguan pada kes pendakwaan juga adalah berkaitan dengan beban pembuktian pihak pendakwaan di peringkat kes prima facie. Di peringkat kes pendakwaan, telah dikemukakan keterangan berhubung dengan cara penemuan kedua-dua bilah pisau tersebut dan juga penemuan profil DNA yang dikesan pada kedua-dua bilah pisau, pada pakaian yang dipakai perayu dan pada kesan kesat cecair daripada faraj arwah si mati. Kesemua keterangan tersebut telah dipertimbangkan PKMT sepertimana yang dinyatakan dalam alasan penghakimannya. Oleh itu, kami berpandangan bahawa pihak pembelaan juga seharusnya gagal di bawah alasan ketiga.

[62] Akhirnya, kami turut membuat pertimbangan ke atas tindakan perayu yang tidak meneruskan penghujahan terhadap sabitan di bawah pertuduhan kedua. Sebaliknya, peguam perayu hanya meminta dipertimbangkan hukuman yang telah dijatuhkan PKMT. Namun begitu, tiada sebarang hujahan yang dikemukakan peguam perayu semasa berhujah secara lisan di hadapan kami. Apa yang ada hanyalah satu perenggan hujahan bertulis yang menyatakan sebagaimana berikut:

> As for the second charge of rape, the accuse had admitted to having a consensual sex. As consent is immaterial for statutory rape, we humbly seek this Court to exercise some discretion in the reducing the sentence of twenty years.

Seterusnya di dalam perenggan 'Conclusion' peguam perayu memohon perintah sepertimana berikut:

> The appellant herewith submits that the appeal against the charge under s 302 is to be allowed while the conviction against the rape charge is upheld.

[63] Daripada hujahan tersebut, kami mendapati ada dua kesilapan fakta yang telah dilakukan peguam perayu. Pertamanya, kesalahan rogol yang dihadapi perayu bukanlah satu kesalahan rogol statutori kerana arwah si mati berusia lebih daripada 16 tahun semasa dirogol. Lihat keterangan SP4 di ms 46 kandungan 15. Namun begitu, peguam perayu telah memilih untuk tidak meneruskan penghujahan berhubung sabitan di bawah pertuduhan kedua. Kesilapan fakta kedua adalah berkaitan dengan hukuman yang dijatuhkan ke atas perayu. Setelah didapati bersalah dan disabitkan di atas kesalahan merogol arwah si mati, perayu telah dijatuhkan hukuman penjara selama 15 tahun dan bukannya 20 tahun.

[64] Dalam membuat pertimbangan, perhatian kami adalah tertumpu kepada kesilapan fakta pertama. Ini kerana tindakan perayu tidak meneruskan hujahan ke atas pertuduhan kedua adalah sama dengan tindakan tidak meneruskan rayuan terhadap sabitan yang diputuskan PKMT ke atas perayu di bawah pertuduhan tersebut. Lebih parah lagi, peguam perayu memohon supaya sabitan bersalah ke atas perayu bagi pertuduhan kedua dikekalkan mahkamah ini sepertimana yang dinyatakan dalam perenggan terakhir penghujahan bertulis peguam perayu.

[65] Kami berpandangan bahawa tindakan yang diambil perayu tersebut memberikan impak yang serius ke atas rayuan perayu secara keseluruhannya. Perlu ditekankan bahawa perayu berhadapan dengan tuduhan merogol arwah si mati sama sepertimana yang dinyatakan di bawah pertuduhan kedua dalam kertas pertuduhan. Dalam pertuduhan tersebut, perayu telah dituduh merogol arwah si mati pada masa dan tempat yang sama dengan kejadian mendatangkan bencana tubuh yang menyebabkan kematian arwah si mati. Setelah perayu mengakui merogol arwah si mati di tempat dan masa sepertimana yang dinyatakan di bawah pertuduhan kedua, maka secara langsungnya perayu mengakui berada dengan arwah si mati di tempat dan pada masa arwah si mati menemui ajalnya. Oleh itu, hanya satu kesimpulan yang boleh dibuat iaitu perayu sememangnya terlibat melakukan perbuatan merogol dan seterusnya membunuh arwah si mati.

KESIMPULAN

[66] Berdasarkan kepada alasan-alasan yang dinyatakan tersebut, kami sebulat suara mendapati PKMT tidak melakukan sebarang kesilapan apabila memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan pertuduhan

pertama dan pertuduhan kedua melampaui keraguan yang munasabah terhadap perayu dan pembelaan yang dikemukakan perayu pula gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah kepada kes pihak pendakwaan. Oleh itu, kami mendapati bahawa sabitan ke atas perayu di bawah kedua-dua pertuduhan adalah selamat dan kami mengekalkan hukuman yang telah diputuskan oleh PKMT iaitu hukuman gantung sampai mati di bawah pertuduhan pertama dan hukuman penjara selama 15 tahun dari tarikh tangkap serta disebat dengan rotan sebanyak tiga kali sebatan bagi pertuduhan kedua. Rayuan perayu terhadap kedua-dua sabitan dan hukuman ditolak. Keputusan PKMT dikekalkan.

Rayuan perayu ditolak.

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh